

Penggunaan Analisis Faktor bagi Kajian Amalan Membaca (Using Factor Analysis for Study on Practice of Reading)

Suriani Hassan¹, Norlita Ismail², Khadizah Ghazali³ & Nur Inani Ismail⁴

^{1,2,3,4}Sekolah Sains dan Teknologi, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu, Sabah.

¹*suriani@ums.edu.my*, ²*norlita@ums.edu.my*, ³*khadizah@ums.edu.my*, ⁴*e_nanney_leo@yahoo.com*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi amalan membaca di kalangan pelajar-pelajar pengajian tinggi. Data yang digunakan dalam kajian ini ialah data primer. Data dalam kajian ini diperolehi dari borang soal-selidik yang diedarkan. Terdapat 204 orang pelajar Universiti Malaysia Sabah yang terlibat dalam kajian ini. Analisis statistik yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian kebolehpercayaan, statistik perihalan, analisis faktor, ujian kenormalan, ujian-t dan ujian Mann-Whitney U. Keputusan kajian menunjukkan bahan akademik internet adalah bahan bacaan yang sering menjadi pilihan pelajar. Penggunaan kaedah Analisis Faktor menerbitkan 12 faktor baru amalan membaca daripada borang soal-selidik yang telah diedarkan. Keputusan ujian t dan ujian Mann-Whitney U menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara jantina dan di antara aliran pelajar sains dan bukan sains terhadap 12 faktor baru amalan membaca yang diuji.

Katakunci: Analisis faktor, ujian t, ujian Mann-Whitney U, jantina, aliran

ABSTRACT

This study aimed to identify the factors which affect the practice of reading among students in higher learning education. The data used in this study were primary data. Data from this study were obtained through distributed questionnaires. There were 204 students from Universiti Malaysia Sabah who participated in this study. Statistical analyses used in this study are reliability test, descriptive statistics, factor analysis, normality test, t test and Mann-Whitney U test. The result showed that the internet as academic literature is often the choice chosen by students. Factor analysis yielded 12 new factors from the questionnaires that were distributed. The t-test and Mann-Whitney U test results showed that there was no significant mean difference between gender and between science stream and non-science stream students towards the tested 12 new factors practice of reading.

Keywords: Factor Analysis, t test, Mann-Whitney U test, gender, stream

PENGENALAN

Membaca menambahkan pengetahuan. Sikap suka membaca adalah perkara yang baik dan perlu diterapkan dari kecil dan diamalkan sehingga ke tua. Membaca adalah proses yang melibatkan pergerakan mata mengikuti setiap baris pada cetakan dan ianya juga adalah proses berfikir yang aktif dalam mengenalpasti idea-idea penting yang melibatkan proses perbandingan, penilaian dan penerapan (Kathleen, 2007). Ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk memupuk nilai murni

amalan membaca ini dengan menjadikan buku sebagai hadiah buat anak-anak mereka (Mohd Iswan Shafiq Mat Isa, 2010).

Kempen membaca disahut oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dengan slogan ‘Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan’. Kempen Baca@LRT yang dilancarkan menghubungkan lebih 100 peminat buku dan pembaca tegar menerusi laman sosial *Facebook* dan kempen ini turut disertai 250 individu Ahli Kelab Membaca Sinar Pintar, pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), ahli PNM dan pelajar sekolah menengah dan rendah sekitar Kuala Lumpur (Rosalinda Md. Said, 2010).

Menurut Sulaiman Selamat iaitu Pakar Psikologi Kanan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam berkata, mahasiswa dan generasi muda sekarang menjadi generasi yang malas berfikir, kurang berilmu dan hanya memberi fokus pada pendidikan berorientasikan akademik dan peperiksaan semata-mata kerana keadaan persekitaran mereka yang lebih banyak terdedah dengan budaya generasi baru yang dilahirkan dalam persekitaran mudah mewah yang menjadikan mereka lebih memilih kepada bahan bacaan ringan (Ruhaiza Rusmin, 2010).

Rosalinda Md. Said (2010) menjelaskan bahawa tinjauan yang didapati di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM) mendapati pelajar-pelajar hanya sekadar mengepit buku ke kafeteria atau ke tempat-tempat berehat tanpa membacanya. Mereka juga tidak menggunakan waktu terluang atau semasa menunggu rakan untuk membaca buku. Ini mendapati budaya membaca di kalangan mahasiswa hanya semata-mata di dalam kelas iaitu ketika menyiapkan tugas atau peperiksaan sahaja.

Karim dan Hassan di dalam Tah (2010) menjelaskan perkembangan informasi digital telah mengubah persepsi pembelajaran dan pembacaan pelajar dengan pencetakan bahan-bahan yang berkaitan dapat memudahkan pembelajaran pelajar perkembangan penggunaan ICT telah memberi kesan kepada tabiat pembelajaran pelajar dan prestasi akademik.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor mempengaruhi amalan membaca di kalangan pelajar-pelajar pengajian tinggi. Skop kajian ini pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah.

METODOLOGI

Data kajian ini diperolehi melalui borang soal-selidik yang diedarkan. Terdapat 204 orang pelajar Universiti Malaysia Sabah yang terlibat dalam kajian ini. Dalam kajian ini perisian SPSS digunakan untuk menganalisis data borang soal selidik yang telah diedarkan kepada mahasiswa Universiti Malaysia Sabah. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian kebolehpercayaan, statistik perihalan, analisis faktor, ujian kenormalan, ujian-t dan ujian Mann-Whitney U.

Borang soal-selidik terbahagi kepada tiga iaitu bahagian A yang berkaitan dengan maklumat demografi responden, bahagian B untuk mengenalpasti jenis bahan bacaan yang sering menjadi pilihan pelajar dan bahagian C yang mana untuk mengenalpasti budaya membaca mahasiswa.

Altman *et al.* (2006) menyatakan ujian rintis merupakan satu eksperimen yang kecil bagi menguji kelogikan dan memperbaiki kualiti maklumat yang dikumpul daripada kajian yang besar. Ujian kebolehpercayaan merupakan ujian yang dibuat sebelum kajian sebenar dijalankan yang bertujuan untuk memastikan alat-alat yang digunakan untuk kajian atau soalan-soalan yang dicipta di borang kaji selidik adalah mempunyai kebolehpercayaan atau kesahihan yang tinggi serta dapat menyelesaikan masalah-masalah yang mungkin berlaku semasa kajian sebenar dilakukan (Ghazali, 2005; Sekaran, 2000). Oleh itu, selepas borang kaji selidik dicipta, kajian rintis dijalankan di mana borang tersebut diedarkan kepada 5 orang sebagai ujian kebolehpercayaan untuk mengkaji kesahihan borang soal selidik yang dicipta. Kebanyakan penyelidik menggunakan Alfa-croanbach (a) untuk mengukur kebolehpercayaan perkara-perkara soal selidik (Ghazali, 2005). Menurut Ghazali (2005) bagi mendapatkan nilai (a) ialah seperti berikut:

$$\alpha = \frac{k}{k-1} - \left(\frac{\sum(SDI)^2}{(SD^2)^2} \right) \quad (1)$$

Di mana:

- k = bilangan perkara
- SDI^2 = varians bagi skor keseluruhan
- $\sum(SDI^2)^2$ = hasil tambah varians perkara

Statistik perihalan digunakan untuk membuat huraian tentang ciri-ciri pembolehubah. Analisis ini menggunakan petunjuk-petunjuk seperti min, mod, taburan normal dan skor Z yang bertujuan untuk menyatakan ciri-ciri bagi pembolehubah yang dianalisis (Chua, 2005). McClave *et al.* (2005) mendefinisikan statistik perihalan menggunakan kaedah nombor dan gambar bagi mencari corak dalam set data, untuk meringkaskan maklumat yang didedahkan dalam set data dan mempersembahkan maklumat dalam bentuk yang sesuai.

Micheal (1989) mendefinisikan analisis faktor sebagai teknik statistik yang pelbagai di mana objektif utamanya adalah untuk mewakilkan suatu set pembolehubah dalam bentuk pembolehubah hipotesis yang lebih kecil. Manakala Coakes *et al.* (2009) mendefinisikan analisis faktor adalah teknik reduksi yang digunakan untuk mengurangkan jumlah pembolehubah yang lebih besar kepada satu set yang lebih kecil yang mendasari faktor yang meringkaskan maklumat penting yang terdapat dalam pembolehubah, analisis faktor juga lebih kerap digunakan sebagai suatu teknik eksplorasi apabila penyelidik ingin meringkaskan struktur satu set pembolehubah.

Menurut Chatfield dan Collins (1994), model bagi analisis faktor adalah:

$$X_j = \lambda_{ji}f_1 + \dots + \lambda_{jm}f_m + e_j \quad j = 1 \quad (2)$$

dengan diketahui X_j adalah pembolehubah asal, p adalah bilangan pembolehubah, m adalah bilangan faktor umum, λ_j bilangan faktor pembeban, f_k adalah faktor umum ke-k dengan ($k = 1, 2, \dots, m$) dan e_j adalah faktor spesifik ke-j. Faktor spesifik dianggap sebagai tak bersandar di antara faktor sepunya dan tak bersandar di antara satu sama lain, dengan anggapan X mempunyai min sifar, juga berguna untuk menganggap semua kesemua faktor mempunyai min sifar (Chatfield dan Collins, 1994).

Model analisis faktor adalah seperti berikut (Johnson dan Wichern, 2002):

$$\begin{aligned} X_1 - \mu_1 &= 1_{11}F_1 + 1_{12}F_2 + \dots + 1_{1m}F_m + \varepsilon_1 \\ X_2 - \mu_2 &= 1_{21}F_1 + 1_{22}F_2 + \dots + 1_{2m}F_m + \varepsilon_2 \\ &\vdots && \vdots \\ X_p - \mu_p &= 1_{p1}F_1 + 1_{p2}F_2 + \dots + 1_{pm}F_m + \varepsilon_p \end{aligned} \quad (3)$$

Dari pada model Johnson dan Wichern (2002) di atas, model faktor ortogon dengan m faktor pendatar adalah:

$$\begin{matrix} X &= & \mu & + & L & F & + & \varepsilon \\ (pX1) & & (pX1) & & (pXm) & (mXm) & & (pXI) \end{matrix} \quad (4)$$

di mana:

$$\mu_i = \min \text{ pembolehubah } i$$

$$\varepsilon_i = \text{ faktor spesifik ke-}i$$

$$F_j = \text{ faktor pendasar ke-}j$$

$$\ell_{ij} = \text{ pembeban bagi pembolehubah } i \text{ bagi faktor ke-}j$$

Norusis (1994) menyatakan Ujian Kaiser-Meyer-Olkin (Ujian KMO) adalah cara untuk menentukan kesempurnaan atau kecukupan sampel dengan membanding magnitud bagi pekali kolerasi separa. Ujian KMO dijalankan untuk menentukan samada data tersebut sesuai untuk menjalankan faktor analisis atau tidak. Rumus untuk ujian KMO menurut Norusis (1994) adalah berikut :

$$KMO = \frac{\sum_{j=1}^n \sum_{i=1}^n r_{ij}^2}{(\sum_{j=1}^n \sum_{i=1}^n r_{ij}^2 + \sum_{j=1}^n \sum_{i=1}^n a_{ij}^2)} \quad (5)$$

Dengan

$$r_{ij} = \text{ pekali kolerasi}$$

$$a_{ij} = \text{ pekali kolerasi separa}$$

Norusis (1994) menyatakan jika jumlah kuasa dua pekali kolerasi antara pembolehubah i dan j lebih kecil berbanding dengan jumlah kuasa dua pekali kolerasi separa antara pembolehubah i dan j , maka nilai KMO adalah menghampiri 1. Dengan ini ujian faktor analisis dapat diteruskan.

Menurut Norusis (1994), ujian Bartlette digunakan untuk menguji hipotesis bahawa matriks korelasi adalah matriks identiti dimana semua pepenjuru bagi matriks tersebut bernilai satu dan

selainnya adalah sifar $\begin{bmatrix} 1 & 0 & 0 \\ 0 & 1 & 0 \\ 0 & 0 & 1 \end{bmatrix}$ Hipotesis bagi korelasi matriks adalah identiti maka ia tidak boleh ditolak yang disebabkan oleh aras keertian besar dan signifikan.

Satu daripada syarat-syarat ujian-t ialah data dalam populasi perlulah bertaburan normal (Chua, 2005). Coakes *et al.* (2009) menyatakan kenormalan data dilihat pada nilai signifikan daripada jadual statistik Kolmogorov-Smirnov iaitu jika ia lebih daripada 0.05, maka data dikatakan bertaburan normal bagi sampel saiz data yang besar.

Ujian-t ini adalah pengujian yang dilakukan terhadap populasi min yang tunggal daripada pengujian terhadap sampel hipotesis pada satu sisi dan dua sisi apabila varians populasi tidak diketahui (Agresti dan Finlay, 1986). Foster (1998) menyatakan ujian-t tidak bersandar digunakan untuk membandingkan skor dua kumpulan berlainan pada satu pembolehubah.

Kaedah Ujian Mann-Whitney merupakan kaedah untuk menggantikan ujian t dalam pengujian kaedah tak berparametrik (Supranto, 1994). Anderson *et al.* (2008) menyatakan ujian Mann-Whitney-Wilcoxon bagi kedua-dua saiz sampel yang sama atau melebihi sepuluh, taburan pensampelan yang sesuai bagi t untuk populasi yang sama adalah seperti berikut:

$$\text{Min: , } \mu_T = \frac{1}{2} [n_1 (n_1 + n_2 + 1)] , \text{ dan} \quad (6)$$

$$\text{Sisihan piawai: } \sigma_T = \sqrt{\frac{1}{12} [n_1 n_2 (n_1 + n_2 + 1)]} \quad (7)$$

KEPUTUSAN

Sampel bagi kajian ini diperolehi dengan mengedarkan borang soal-selidik kepada 204 orang pelajar yang sedang menuntut di Universiti Malaysia Sabah setelah diuji kebolehpercayaan soal-selidik tersebut kepada 5 orang responden. Data yang diperolehi adalah lebih signifikan kerana telah diedarkan kepada sampel yang cukup besar kerana saiz sampel minimum adalah lima subjek untuk satu pembolehubah diperlukan manakala saiz sampel 100 boleh diterima tetapi saiz 200 adalah lebih diterima bagi memenuhi analisis faktor dalam kajian ini (Coakes *et al.*, 2009).

Ujian Kebolehpercayaan

Keputusan pekali Alfa-croanbach analisis kebolehpercayaan terhadap bahagian B ialah 0.749 dan bahagian C ialah 0.796. Menurut Hair (2006) ukuran kebolehpercayaan diterima jika nilai Alfa-croanbach adalah lebih besar daripada 0.7. Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001) menyatakan pekali kebolehpercayaan melebihi 0.6 kerap digunakan. Nilai yang diperolehi bagi pekali Alfa-croanbach untuk kedua-dua bahagian adalah lebih besar daripada 0.7, maka, borang soal-selidik yang digunakan dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Statistik Perihalan

Terdapat 204 orang pelajar yang sedang menuntut di Universiti Malaysia Sabah terlibat dalam kajian ini. Seramai 150 orang responden adalah perempuan (73.5%) dan 54 responden adalah lelaki (26.5%). Seramai 61 orang responden adalah pelajar aliran sains (29.9%) dan 143 responden adalah pelajar aliran bukan sains (70.1%).

Jadual 1, 2 dan 3 menunjukkan frekuensi kekerapan bagi bahagian B yang terdiri daripada 3 kategori bahan bacaan. Jadual 1 menunjukkan taburan kekerapan bagi bahan bacaan ringkas yang kerap dibaca. Keputusan kajian menunjukkan bahan akademik internet adalah bahan bacaan yang kerap menjadi pilihan pelajar. Jadual 2 menunjukkan taburan kekerapan bagi bahan bacaan fiksyen yang kerap dibaca. Keputusan kajian menunjukkan cerita nasihat adalah bahan bacaan fiksyen yang kerap menjadi pilihan pelajar. Jadual 3 menunjukkan taburan kekerapan bagi bahan bacaan bukan fiksyen yang kerap dibaca. Keputusan kajian menunjukkan bahan agama adalah bahan bacaan bukan fiksyen yang kerap menjadi pilihan pelajar.

Jadual 1: Taburan kekerapan bagi bahan bacaan ringkas yang kerap dibaca

Jenis bahan bacaan	Frekuensi kekerapan
Suratkhabar	110
Risalah	72
Buku / Novel	112
Majalah / Komik	113
Bahan akademik internet	122
Bahan akademik bukan internet	107

Jadual 2: Taburan kekerapan bagi bahan bacaan fiksyen yang kerap dibaca

Jenis bahan bacaan	Frekuensi kekerapan
Cerita sains	102
Cerita khayalan	77
Cerita nasihat	111
Cerita binatang	45
Cerita dongeng	76
Cerita rakyat	73

Jadual 3: Taburan kekerapan bagi bahan bacaan bukan fiksyen yang kerap dibaca

Jenis bahan bacaan	Frekuensi kekerapan
Agama	119
Falsafah	67
Kesihatan	71
Teknologi	78
Kesenian	71
Sains kemasyarakatan	79
Motivasi	107
Kesusasteraan	56
Sejarah dan geografi	63
Sains tulen	52

Analisis Faktor

Analisis faktor digunakan dalam kajian ini bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi amalan membaca di kalangan pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah. Analisis faktor dijalankan ke atas bahagian C yang terdiri daripada 40 item.

Coakes *et al.* (2009) menyatakan jika nilai ujian Bartlett's adalah besar dan signifikan serta ujian KMO melebihi nilai 0.6, maka sifat kebolehfaktoran dapat diandaikan dan ujian boleh diteruskan. Keputusan kajian menunjukkan nilai bagi ujian Bartlett's adalah besar dan signifikan ($\chi^2 = 3181.615$, signifikan $p = 0.000$, $\text{sig.} p < 0.000$) dan nilai bagi ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) adalah 0.715. Oleh kerana nilai ujian Bartlett's yang besar dan signifikan serta ujian KMO yang melebihi nilai 0.6, maka sifat kebolehfaktoran dapat diandaikan dan ujian diteruskan.

Jadual 4 menunjukkan hasil daripada putaran matriks kaedah Varimax dengan menggunakan kenormalan Kaiser. Setelah putaran dilakukan, didapati 12 faktor diekstrakkan. Faktor 1 merangkumi 5 item, Faktor 2 merangkumi 4 item, Faktor 3 merangkumi 5 item, Faktor 4 merangkumi 4 item, Faktor 5 merangkumi 4 item, Faktor 6 merangkumi 4 item, Faktor 7 merangkumi 3 item, Faktor 8 merangkumi 4 item, Faktor 9 merangkumi 2 item, Faktor 10 merangkumi 2 item, Faktor 11 dan Faktor 12 masing-masing merangkumi 1 item.

Penggunaan Analisis Faktor bagi Kajian Amalan Membaca

Jadual 4: Hasil bagi faktor matriks terputar bahagian C

	Faktor											
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
C1b	.779											
C1a	.746											
C1e	.725											
C1d	.724											
C1c	.649											
C3m		.806										
C3l		.782										
C3j		.702										
C3k		.681										
C2d			.756									
C2e			.746									
C2g			.620									
C2f			.451									
C2c			.370	.320								
C3d				.759								
C3h				.334	.575							
C3e					.542							
C3g					.532							
C6c						.681						
C6b						.654						
C6d						.573						
C6a						.552						
C3b							.729					
C3a							.713					
C3c							.488					
C3f							.399					
C4b								.734				
C4e								.567				
C4a								.491				
C5b									.642			
C5c									.455			
C4c									.446			
C4d									.350			
C2b		.305								.683		
C2a										.572		
C5d											.712	
C5e											.554	
C4f												.487
C3i												.341
C5a												.507

Jadual 5 menunjukkan pengelasan faktor bahagian C yang mana faktor dikelaskan mengikut dua belas faktor yang diekstrak dan faktor baru yang didapati, diberikan pengelasan yang baru. Pengelasan faktor baru dikelaskan mengikut item yang telah dikenalpasti pada hasil matriks terputar yang telah dikelaskan pada Jadual 4. Faktor kesedaran membaca mempunyai varians yang diterangkan yang tertinggi iaitu sebanyak 16.707.

Jadual 5: Pengelasan faktor-faktor baru bagi bahagian C

No.	Faktor	Varians yang diterangkan
1	Kesedaran membaca	16.707
2	Kesan pada prestasi akademik	8.362
3	Pengetahuan bahan bacaan dalam kampus	6.678
4	Pengaruh sekeliling	5.937
5	Membaca bukan aktiviti utama	5.525
6	Pengaruh ahli keluarga	4.405
7	Jenis buku pilihan	3.662
8	Bahan bacaan softcopy	3.634
9	Bahan bacaan ilmiah dan bukan ilmiah	3.293
10	Bahan bacaan pilihan	3.048
11	Pengaruh adik beradik	2.838
12	Bahan bacaan bercetak	2.583

Ujian Kenormalan

Jadual 6 menunjukkan keputusan ujian kenormalan bagi 12 faktor baru menggunakan ujian kenormalan ‘*Kolmogrov-Smirnov*’. Terdapat sembilan faktor yang memenuhi andaian kenormalan, iaitu Faktor 1, 2, 3, 4, 5, 8, 10, 11 dan 12 ($\text{sig.p} > 0.05$). Manakala Faktor 6, 7 dan 9 tidak memenuhi andaian kenormalan ($\text{sig.p} < 0.05$) (Coakes *et al.*, 2009).

Jadual 6: Kenormalan *Kolmogrov-Smirnov* bagi faktor baru yang diperolehi daripada pemutaran matriks

Faktor	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
Statistik	0.124	0.08	0.152	0.152	0.144	0.21	0.21	0.155	0.27	0.039	0.05	0.182
Signifikan p.	0.200	0.054	0.109	0.200	0.145	0.007	0.004	0.200	0.001	0.200	0.200	0.200

Ujian-t

Ujian-t tidak bersandar dilakukan pada semua faktor baru yang memenuhi andaian kenormalan, iaitu Faktor 1, 2, 3, 4, 5, 8, 10, 11 dan 12. Ujian-t ini dijalankan bagi menguji perbandingan min di antara jantina dan juga di antara aliran sains dan bukan sains terhadap semua Faktor 1, 2, 3, 4, 5, 8, 10, 11 dan 12 amalan membaca.

Hipotesis nol yang pertama diuji ialah tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara jantina terhadap Faktor 1, 2, 3, 4, 5, 8, 10, 11 dan 12 amalan membaca. Keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara jantina terhadap Faktor 1, 2, 3, 4, 5, 8, 10, 11 dan 12 amalan membaca yang diuji ($\text{sig.p.} > 0.05$).

Hipotesis nol yang kedua diuji ialah tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara aliran pelajar sains dan bukan sains terhadap Faktor 1, 2, 3, 4, 5, 8, 10, 11 dan 12 amalan membaca. Keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara aliran pelajar sains dan bukan sains terhadap Faktor 1, 2, 3, 4, 5, 8, 10, 11 dan 12 amalan membaca yang diuji ($\text{sig.p.} > 0.05$).

Ujian Mann-Whitney U

Ujian Mann-Whitney U dilakukan pada tiga faktor baru yang tidak memenuhi andaian kenormalan, iaitu Faktor 6, 7 dan 9. Ujian Mann-Whitney U dijalankan bagi menguji perbandingan min di antara jantina dan juga di antara aliran sains dan bukan sains terhadap ketiga-tiga Faktor 6, 7 dan 9.

Hipotesis nol yang pertama diuji ialah tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara jantina terhadap Faktor 6, 7 dan 9 amalan membaca. Keputusan Mann-Whitney U menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara jantina terhadap Faktor 6, 7 dan 9 amalan membaca yang diuji ($\text{sig.p.} > 0.05$).

Hipotesis nol yang kedua diuji ialah tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara aliran pelajar sains dan bukan sains terhadap Faktor 6, 7 dan 9 amalan membaca. Keputusan Mann-Whitney U menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara aliran pelajar sains dan bukan sains terhadap Faktor 6, 7 dan 9 amalan membaca yang diuji ($\text{sig.p.} > 0.05$).

KESIMPULAN

Keputusan kajian menunjukkan bahan akademik internet adalah bahan bacaan yang kerap menjadi pilihan pelajar. Keputusan kajian ini bersamaan dengan pandangan Karim dan Hassan di dalam Tah (2010) yang menjelaskan perkembangan informasi digital telah mengubah persepsi pembelajaran dan pembacaan pelajar dengan pencetakan bahan-bahan yang berkaitan dapat memudahkan pembelajaran pelajar perkembangan penggunaan ICT telah memberi kesan kepada tabiat pembelajaran pelajar dan prestasi akademik.

Keputusan kajian menunjukkan cerita nasihat adalah bahan bacaan fiksyen yang kerap menjadi pilihan pelajar dan bahan agama adalah bahan bacaan bukan fiksyen yang kerap menjadi pilihan pelajar.

Terdapat dua belas faktor baru yang diekstrakkan setelah putaran dilakukan. Faktor 1 ialah kesedaran membaca, Faktor 2 ialah kesan pada prestasi akademik, Faktor 3 ialah pengetahuan bahan bacaan dalam kampus, Faktor 4 ialah pengaruh sekeliling, Faktor 5 ialah membaca bukan aktiviti utama, Faktor 6 ialah pengaruh ahli keluarga, Faktor 7 ialah jenis buku pilihan, Faktor 8 ialah bahan bacaan ‘softcopy’, Faktor 9 ialah bahan bacaan ilmiah dan bukan ilmiah, Faktor 10 ialah bahan bacaan pilihan, Faktor 11 ialah pengaruh adik beradik dan Faktor 12 ialah bahan bacaan bercetak.

Terdapat sembilan faktor yang memenuhi andaian kenormalan, iaitu Faktor 1, 2, 3, 4, 5, 8, 10, 11 dan 12. Manakala Faktor 6, 7 dan 9 tidak memenuhi andaian kenormalan. Keputusan ujian-t dan Ujian Mann-Whitney U menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara jantina dan di antara aliran pelajar sains dan bukan sains terhadap semua 12 faktor amalan membaca yang diuji.

RUJUKAN

- Agresti, A. & Finlay, B. 1986. *Statistical Methods for the Social Sciences*. Ed. ke-3. Dellun Publishing Company, San Francisco.
- Anderson, D.R., Sweeney, D.J. & Williams, T.A. 2008. *Statistics for Business and Economics*. South-Western Cengage Learning.
- Altman, D., Burton, N., Cuthill, I., Festing, M., Hutton, J. & Playle, L. 2006. *Why do a pilot study?* National Centre for the Replacement, Refinement and Reduction of Animals in Research.
- URL: <http://www.nc3rs.org.uk/downloaddoc.asp?id=400>
- Chatfield, C. & Collins, A.J. 1994. *Pengenalan Kepada Analisis Multivariat*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.
- Chua, Y.P. 2005. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Mc. Graw Hill Education, Malaysia.

- Coakes, S.J., Steed, L. & Ong, C. 2009. *SPSS Analysis Without Anguish Version 16.0 for Windows*, John Wiley & Sons, Australia.
- Foster, J. J. 1998. *Data Analysis Using SPSS for Windows: A Beginner's Guide*. London: SAGE Publications Ltd
- Ghazali HJ. Darusalam. 2005, *Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif dan kuantitatif*.
<http://ipislam.edu.my>
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E. & Tatham, R. L. 2006. *Multivariate Data Analysis. Sixth Edition*. Pearson International Edition, New Jersey.
- Johnson, R.A. & Wichern, D.W., 2002. *Applied Multivariate Statistical Analysis*. Fifth Edition. Prentice-Hall, Inc, Upple Saddle River.
- Kathleen, T.M. 2007. *Academic Reading. Ed. ke-6*. Library of Congress Cataloging, United States.
- McClave, J.T., Benson, P.G. & Sincich, T. 2005. *Statistics for Business and Economics*. New Jersey: Pearson Prentice Hall
- Micheal, S. L. B. 1989. *Factor Analysis and Related Techniques International Handbooks of Quantitatives Applications in the Social Sciences Volume 5*, Sage Publications.
- Mohd Iswan Shafiq Mat Isa. 2010. Satu Rumah Satu Perpustakaan. *Utusan Malaysia Online*.
http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0223&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_26.htm
- Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir, 2001. *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 for Windows*, Kuala Lumpur, Venton Publishing.
- Norusis, M.J. 1994. *SPSS 6.1 Base System User's Guide Part 2*. SPSS, Inc, Chicago.
- Rosalinda Md. Said. 2010. Tiada orang baca buku di Stesen LRT, tren, komuter, bas dan tumpuan umum. *Utusan Malaysia Online*.
http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0222&pub=Utusan_Malaysia&sec=Laporan_Khas&pg=lk_01.htm
- Ruhaiza Rusmin. 2011. Purata rakyat Malaysia baca dua buku setahun. *Harian Metro Online*. <http://www.hmetro.com.my/articles/PuratarakyatMalaysiabacadubukusetahun/Article/>
- Sekaran, U. 2000. *Research Methods for Business: A skill-building approach*. Ed. Ke-3, John Wiley & Sons Inc, New York.
- Supranto, J. 1994. *Statistik: Teori dan Aplikasi (Edisi Ke-5)*. Jakarta: Penerbit Erlangga Co.
- Tah, B.M. 2010. The impact of ICT on student's study habits. Case study: University of Buea, Cameron. *Journal of Science and Technology Education Research*, 1(5):107-110.